

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 (29)  
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

8 September 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan  
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar  
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14 TAHUN 2010 :  
PENETAPAN HARI BEKERJA PADA 25 SEPTEMBER 2010 (SABTU) KEPADA STAF  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 14 Tahun 2010 mengenai Penetapan Hari Bekerja Pada 25 September 2010 (Sabtu) Kepada Staf Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan tugas,

  
(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang

s.k YH Dato' Naib Canselor

M/sms  
d: Pekeliling

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 (28)  
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

8 September 2010

**PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 14 TAHUN 2010**

**PENETAPAN HARI BEKERJA PADA 25 SEPTEMBER 2010 (SABTU)  
KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Adalah dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan Universiti telah menetapkan 25 September 2010 (Sabtu) sebagai hari bekerja kepada semua staf bagi menghadiri Majlis Perasmian Program Jejak Warisan Negeri Pahang 'Wacana Mengingati Sejarah Ke Arah Kecemerlangan Masa Depan' Sempena Hari Keputeraan Ke 80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Sehubungan dengan itu, semua **staf diwajibkan hadir** ke majlis perasmian tersebut seperti ketetapan berikut:-

**Tarikh : 25 September 2010 (Sabtu)**  
**Masa : 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari**  
**Tempat : Kompleks Sukan,  
Universiti Malaysia Pahang**

Berikutan daripada penetapan hari bekerja pada 25 September 2010 (Sabtu), staf Universiti Malaysia Pahang yang bertugas adalah layak untuk memohon cuti gantian tertakluk kepada prosedur sedia ada serta kelulusan ketua jabatan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang Benar,



(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)

Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang

Tel : 09-549 2006

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)